



مجلس احکام مسلمان
دان عادت ملايو قيران

PELAN
TINDAKAN
ANTIRASUAH
ORGANISASI

2022-2026

MAJLIS AGAMA ISLAM &
'ADAT MELAYU PERAK



Perutusan

Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk

Assalamualaikum W.B.T

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, Pelan Antirasuah Organisasi Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak bagi tahun 2022-2026 dapat dibangunkan dengan jayanya hasil usahasama dan komitmen semua Bahagian di organisasi ini.

OACP ini adalah satu dokumen antirasuah di peringkat organisasi yang dirangka secara khusus bagi mengatasi permasalahan memfokuskan kepada rasuah, tadbir urus dan integriti di MAIPk. Ia menggariskan beberapa strategi, objektif strategik dan inisiatif yang perlu dijelmakan dalam bentuk findakan bagi mencapai aspirasi nasional untuk menerapkan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus yang berintegriti. MAIPk mendukung sepenuhnya halatuju murni ini dan komited dalam usaha membasmi rasuah di peringkat akar umbi serta memastikan tahap tadbir urus yang baik seterusnya meningkatkan tahap mutu penyampaian perkhidmatan awam secara umumnya.

Justeru, saya berharap agar seluruh warga MAIPk dapat memberikan komitmen sepenuhnya bagi menjayakan Pelan OACP ini. Usaha penerapan budaya integriti ini harus dipulih dan dihayati bersama bagi memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang telus dan bebas rasuah. Budaya kerja berintegriti akan meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap perkhidmatan awam seterusnya menjadikan perkidmatan MAIPk lebih maju ke hadapan. Semoga pelan ini dapat menjadi panduan bagi memartabatkan integriti seterusnya menjadikan MAIPk sebuah organisasi bebas rasuah.

**YBRS. TUAN SHAHRUL AZAM BIN SHAARI
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK**

Ringkasan Eksekutif

Pelan Antirasuah Organisasi MAIPk (OACP) ini telah dibangunkan seiring dengan komitmen Kerajaan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 bagi mencapai aspirasi agar Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah. Ia merupakan dokumen penting yang menjadi panduan untuk menangani masalah rasuah, salahguna kuasa, penyelewengan dan salah laku dalam organisasi.

Secara umumnya, OACP MAIPk 2022-2026 ini mengandungi empat bab iaitu Pengenalan, Pengukuhan Aspek Governans, Integriti dan Anti Rasuah, Memperkasakan Usaha Pencegahan Rasuah dan Kesimpulan serta Harapan Masa Hadapan.

BAB 1

Merupakan pengenalan bagi menjelaskan secara ringkas maklumat korporat MAIPk sebagai organisasi yang bertanggungjawab untuk memartabatkan institusi zakat, harta baitulmal dan wakaf.

BAB 2

Memfokuskan kepada Cabaran Menangani Rasuah yang dihadapi oleh MAIPk. Untuk tujuan ini, Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah dan Bengkel OACP telah dilaksanakan yang melibatkan pegawai daripada semua unit dan bahagian di MAIPk dengan bimbingan Institut Integriti Malaysia bagi memberikan panduan dan hala tuju pembangunan pelan ini. Bab ini menjelaskan kerangka OACP MAIPk yang telah dirangka secara menyeluruh

BAB 3

Menjelaskan mengenai mekanisme pemantauan dan penilaian OACP melalui initiatif yang dirangka untuk mengenal pasti risiko dan jurang supaya dapat diselaraskan dengan sewajarnya untuk mencapai objektif yang dihasratkan.

BAB 4

Merangkumi OACP MAIPk, kesimpulan serta harapan masa hadapan dalam memperkasakan integriti dalam organisasi

Kandungan

BAB 1 PENGENALAN

Latar belakang
Kuasa dan Fungsi MAIPk
Visi, Misi dan Objektif MAIPk

02

BAB 2 CABARAN MENANGANI RASUAH

Senario Masa Hadapan
Pengurusan Risiko Rasuah & OACP MAIPk
Pelan Tindakan dan Inisiatif

04

BAB 3 MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH

Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan
dan Penilaian

26

BAB 4 KESIMPULAN DAN HARAPAN MASA HADAPAN

Kesimpulan & Harapan Masa Hadapan
- Penghargaan

27

**BAB
1**

Pengenalan

Latar Belakang

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) ditubuhkan secara rasmi pada 1 Muharram 1369 Hijrah bersamaan 23 Oktober 1949 berdasarkan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri. Undang-undang khusus berhubung Pentadbiran Agama Islam dan 'Adat Melayu di negeri ini telah diluluskan secara rasmi pada 1 Mei 1952. Manakala di bawah Enakmen Bil 2 Tahun 1992, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak diperbadankan secara rasmi sebagai sebuah badan berkanun kerajaan dan masih kekal sebagai badan berkanun di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (Enakmen Bil. 4 Tahun 2004).

Kuasa dan Fungsi MAIPk

Peranan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak jelas dinyatakan di bawah Fasal VI(1) Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak iaitu:

"Kepala Ugama negeri ini ialah Yang Maha Mulia, dan Yang Maha Mulia akan memerintah supaya diadakan undang-undang untuk mengaturkan perkara-perkara ugama dan menubuhkan sebuah Majlis Ugama Islam dan adat melayu yang disebut dalam bahasa Inggeris "Council of Religion and Malay Custom" bagi menolong dan menasihatkan Yang Maha Mulia berkenaan dengan perkara-perkara yang bersabit dengan Ugama negeri ini dan adat Melayu"

Maka objektif MAIPk bertepatan dengan fasal tersebut iaitu antaranya memartabatkan institusi zakat, mentadbir harta baitulmal dan wakaf berteraskan tadbir urus yang berkesan, bersistematisik serta cemerlang demi kemaslahatan ummah.

Misi

Meningkatkan taraf sosio ekonomi ummah menerusi pengukuhan pengurusan baitulmal yang efektif dan dinamik dengan mengamalkan tadbir urus cemerlang berlandaskan ketelusan intergriti dan profesionalisme yang tinggi.



Visi

Menjadi institusi yang syumul dalam memacu kemajuan dan kesejahteraan ummah berlandaskan al-Quran dan as- Sunnah.

Objektif

- Memartabatkan Institusi Zakat Melalui Pengurusan Pungutan dan Agihan yang Berkesan
- Mentadbir Harta Baitulmal dan Wakaf bagi Tujuan Membangunkan Sosioekonomi dan Memeliha Kemaslahatan Ummah
- Menjana Kualiti Perkhidmatan, Budaya Kerja Cemerlang dan Dinamik Serta Pengurusan Kewangan yang Sistematik dengan Memanfaatkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Secara Maksimum

**BAB
2**

Pengukuhan Aspek Governans, Integriti Dan Antirasuah

Senario Masa Hadapan

Senario masa hadapan merupakan gambaran kepada senario rasuah yang mungkin berlaku pada masa hadapan. Segala bentuk kemungkinan rasuah telah dikenal pasti dan perancangan serta penyelesaian yang praktikal telah disediakan. Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023 telah meletakkan empat senario utama bagi meramalkan keadaan yang mungkin berlaku pada masa hadapan.

KESINAMBUNGAN (CONTINUATION)

Masa hadapan yang mempamerkan kejayaan yang dikecapai melalui kewujudan Pelan Antirasuah, tetapi tidak berupaya untuk bertahan atau mapan.

KEKANGAN (LIMIT & DISCIPLINED)

Masa hadapan yang merujuk kepada visi yang digariskan dalam Pelan Antirasuah tidak dapat dicapai ekorankekangan dalaman dan persekitaran.

PERKEMBANGAN (GROWTH)

Masa hadapan di mana hasil kewujudan Pelan Antirasuah telah menyebabkan anjakan menuju fasa sesebuah negara yang beretika dengan mendokong integriti yang tinggi berteraskan nilai.

MERUDUM (DECLINE & COLLAPSE)

Rasuah menjadi kelaziman dalam masyarakat sekaligus memperlihatkan sistem sosial runtuh sama sekali tanpa sebarang jalan menyelesaian.

Kepentingan Perancangan Scenario

1

Mengenal pasti
peluang dan
ancaman

2

Instrumen
Pengurusan
Risiko

3

Indikator amaran
terhadap keputusan
yang dibuat

Pengurusan Risiko Rasuah & OACP MAIPk

Pada 21 Februari 2020, pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah memberi taklimat pelaksanaan CRM dan OACP kepada pekhidmat Gred 29 ke atas. Rentetan itu sepanjang tahun 2020, MAIPk telah membangunkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dengan dibantu oleh juruperunding dari Institut Integriti Malaysia (IIM). Penyediaan pelan ini telah berjaya dibangunkan sepenuhnya pada Mac 2021.

Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Pengurusan MAIPk Bil. 04/2020 bertarikh 13 Julai 2020 telah mempertimbangkan dan bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan melalui cadangan projek dari Institut Integriti Malaysia (IIM) untuk penyediaan Organisation AntiCorruption Plan – OACP.

Bengkel Fasa 1 dan 2 bersama kumpulan pentadbir dan penyelaras pembangunan OACP telah diadakan pada 13-15 Disember 2021. Manakala, bengkel pembangunan OACP, Fasa 3 telah diadakan pada 21 - 23 Disember 2021 dan bengkel pemurnian OACP Fasa 4 telah diadakan pada 13-14 Februari 2022.





Ringkasan Inisiatif Pelan Antirasuah MAIPk



Pelan Tindakan Dan Inisiatif

Pelan ini telah menetapkan enam (6) bidang keutamaan yang menjadi teras utama dalam usaha memerangi rasuah. Bidang keutamaan tersebut ialah Tadbir Urus, Sumber Manusia, Kewangan, Perolehan dan Operasi. Strategi yang dikenal pasti melalui enam (6) bidang keutamaan yang digariskan menjurus pada 11 objektif strategi yang meliputi 86 inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.

6 Bidang Berisiko Yang Menjadi Keutamaan MAIPk

1

Tadbir Urus

Merujuk kepada sistem peraturan, undang-undang, amalan dan proses kerja untuk mencapai kecemerlangan, kecekapan dan ketelusan dalam pengurusan pentadbiran MAIPk

2

Sumber Manusia

Merujuk kepada hal berkaitan pembangunan modal insan yang perlu diurus dengan baik dalam memastikan kecekapan perkhidmatan MAIPk

3

Pentadbiran

Merujuk kepada pengurusan hal ehwal pentadbiran dan pengurusan yang cekap di bawah kawalan MAIPk

4

Kewangan

Merujuk pada proses perancangan, pengagihan dan peruntukan modal (wang tunai) untuk memenuhi matlamat sesuatu organisasi. Pelaksanaan proses ini hendaklah mematuhi undang-undang, prosedur dan arahan yang telah dikuatkuasakan pada masa yang ditetapkan.

5

Perolehan

Merujuk kepada pembelian barang dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan MAIPk. Pelaksanaan proses ini hendaklah mematuhi undangundang, prosedur dan arahan yang telah dikuatkuasakan pada masa yang ditetapkan.

6

Operasi

Merujuk kepada perkara fungsi utama MAIPk mahupun proses kerja berkaitan penyampaian perkhidmatan MAIPk kepada pelanggan.

6 **STRATEGI OACP MAIPk**

Memupuk
Tadbir Urus Baik
dalam MAIPk

Memperkuuhkan
Kecekapan
Penyampaian
Perkhidmatan
MAIPk

Memperkuuhkan
Ketelusan
Pentadbiran
MAIPk


Meningkatkan
Keberkesaan
dan Ketelusan
dalam
Pengurusan

Mempertingkatkan
Kawalan Dalam
dan Ketelusan
Perolehan

Meningkatkan
Akauntabiliti
dalam
Pengurusan
Kewangan
MAIPk

Analisis Kuadran Pelan Tindakan

Analisis Kuadran di bawah menggambarkan keutamaan bagi 86 inisiatif yang dikenalpasti daripada 6 bidang berisiko punca rasuh yang ditemui. 86 inisiatif ini ditentukan berdasarkan analisis tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya. Inisiatif yang dikenalpasti berada dalam Kuadran A (impak tinggi dan kompleksiti rendah) dan Kuadran B (impak tinggi dan kompleksiti tinggi) memerlukan sedikit usaha dalam pelaksanaannya serta mampu memberi kesan besar kepada penambahbaikan tadbir urus organisasi MAIPk.



01

BIDANG KEUTAMAAN TADBIR URUS

STRATEGI 1 MEMUPUK TADBIR URUS BAIK DALAM MAIPk

OBJEKTIF STRATEGI 1.1 :

MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS MAIPk MELALUI PENGURUSAN RISIKO YANG BERKESAN

BIL.	INITIATIF/TINDAKAN	KUADRAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANA
1.1.1	Mewajibkan pelaksanaan analisis keperluan latihan terutama kepada jawatan berisiko tinggi	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2022-2023)
1.1.2	Mengenal pasti pegawai yang berisiko dan melaksanakan pusingan kerja	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022-2026)
1.1.3	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022-2026)

OBJEKTIF STRATEGI 1.2 :

MEMASTIKAN PEGAWAI TELUS DALAM MENJALANKAN TUGAS

BIL.	INITIATIF/TINDAKAN	KUADRAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANA
1.2.1	Mengenal pasti pegawai yang berisiko dan melaksanakan pusingan kerja	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022-2026)
1.2.2	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022-2026)

OBJEKTIF STRATEGI 1.3 :

MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN AMALAN PROFESIONALISME DALAM TADBIR URUS MAIPk

BIL.	INITIATIF/TINDAKAN	KUADRAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANA
1.3.1	Memberi latihan berterusan berkenaan proses pengauditan	A	Unit Audit Dalam	5 Tahun (2022-2026)
1.3.2	Mengadakan sesi penerangan berkaitan kandungan Perjanjian kepada semua PT Sewaan di Ibu Pejabat dan Daerah supaya dapat disampaikan kepada Penyewa dan Pemajak semasa sesi tandatangan Perjanjian.	A	Unit Undang undang	5 Tahun (2022-2026)
1.3.3	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022-2026)

02

BIDANG KEUTAMAAN SUMBER MANUSIA

STRATEGI 2

MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MAIPk

OBJEKTIF STRATEGI 2.1 :

MEMASTIKAN PEGAWAI TELUS DALAM MENJALANKAN TUGAS

BIL.	INITIATIF/TINDAKAN	KUADRAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANA
2.1.1	Melaksanakan naziran integriti secara berterusan	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022-2026)
2.1.2	Memperkasakan tatacara pengurusan ketidakhadiran pegawai ke pejabat	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2022-2023)
2.1.3	Memperkenalkan anugerah pegawai berintegriti tinggi yang menyumbang bakti yang tinggi diperingkat Bahagian dan MAIPk	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022-2026)
2.1.4	Mewujudkan sistem aduan tatakelakuan dan integriti sebagai platform penyaluran maklumat	B	Bahagian Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2022-2023)
2.1.5	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022-2026)

OBJEKTIF STRATEGI 2.2 :

MEMPERKUKUHKAN AKAUNTABILITI DAN PENGAMALAN NILAI-NILAI MURNI DI KALANGAN PENJAWAT MAIPk

BIL.	INITIATIF/TINDAKAN	KUADRAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANA
2.2.1	Memperkasakan tatacara pengurusan ketidakhadiran pegawai ke pejabat	A	Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2022-2023)
2.2.2	Melaksanakan naziran integriti secara berterusan	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022-2026)
2.2.3	Memastikan pekhidmat mendapatkan kebenaran ketua jabatan sekiranya menjalankan kerja lain	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022-2026)
2.2.4	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022-2026)
2.2.5	Melaksanakan pemantauan berterusan keatas pematuhan prosedur kerja	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022-2026)
2.2.6	Mengenalpasti pegawai yang berisiko dan melaksanakan program pemulihan / kaunseling / pengisytiharan harta lebih kerap	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022-2026)

03

BIDANG KEUTAMAAN PENTADBIRAN

STRATEGI 3 MEMPERKUKUHKAN KETELUSAN PENTADBIRAN MAIPk

OBJEKTIF STRATEGI 3.1 :

MEMASTIKAN PEGAWAI TELUS DALAM MENJALANKAN TUGAS

BIL.	INITIATIF/TINDAKAN	KUADRAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANA
3.1.1	Menyemak dan menambahbaik SOP Pengurusan Kenderaan Pejabat	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2022-2023)
3.1.2	Menguatkuasakan pematuhan SOP Pengurusan Kenderaan Pejabat.	B	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022-2026)
3.1.3	Menghantar pegawai ke latihan teknologi terkini dan aset berkaitan	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022-2026)
3.1.4	Mewujudkan garis panduan dan senarai semak penyelenggaraan aset	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	1 Tahun (2022)
3.1.5	Menambahbaik dan memperkasakan proses pemeriksaan mengejut	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022-2026)
3.1.6	Melaksanakan kursus berkala kepada pemandu kenderaan	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022-2026)
3.1.7	Melaksanakan pemeriksaan mengejut stok dan aset	B	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022-2026)
3.1.8	Menghantar pegawai ke latihan berkaitan stok	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022-2026)

BIL.	INITIATIF/TINDAKAN	KUADRAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANA
3.1.9	Menguatkuasakan arahan penggiliran tugas	B	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022 -2026)
3.1.10	Tindakan punitif keatas pegawai yang dipertanggungjawab	B	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022 -2026)
3.1.11	Mewujudkan sistem pengurusan aset	B	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022-2026)

OBJEKTIF STRATEGI 3.2 :

MEMPERTINGKATKAN KOMPETENSI PENJAWAT MAIPK DAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

BIL.	INITIATIF/TINDAKAN	KUADRAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANA
3.2.1	Penyediaan jadual berkala / sistem dalam pemantauan premis	A	Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mal & Wakaf	1 Tahun (2022)
3.2.2	Melantik syarikat luar dalam menguruskan aset MAIPk untuk menyelenggara dan menguruskan sewaan	B	Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mal & Wakaf	1 Tahun (2022)

BIL.	INITIATIF/TINDAKAN	KUADRAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANA
3.2.3	Menghantar pegawai ke latihan teknikal	A	Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mal & Wakaf	1 Tahun (2022)
3.2.4	Mewujudkan SOP penyeliaan bangunan	A	Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mal & Wakaf	1 Tahun (2022)
3.2.5	Memberikan taklimat dan latihan penggunaan perkakasan komputer dan peralatan elektrik secara berkala	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022 -2026)
3.2.6	Menyediakan jadual pemeriksaan penggunaan komputer dan peralatan elektronik secara berkala	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022 -2026)
3.2.7	Mewujudkan SOP penggunaan komputer dan peralatan elektronik	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	1 Tahun (2022)
3.2.8	Meningkatkan penguatkuasaan terhadap SOP penggunaan komputer dan peralatan elektronik	B	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022 -2026)
3.2.9	Melaksanakan taklimat kesedaran berkaitan Integriti & Anti Rasuah	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022 -2026)
3.2.10	Tindakan punitif keatas pegawai yang dipertanggungjawab	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022 -2026)
3.2.11	Memberikan taklimat dan latihan berkaitan penggunaan aset MAIPk secara berkala	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022 -2026)

BIL.	INITIATIF/TINDAKAN	KUADRAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANA
3.2.12	Menambahbaik jadual pemeriksaan aset	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022 -2026)
3.2.13	Menambahbaik tatacara penggunaan aset yang sedia ada	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022 -2026)

STRATEGI 4**MENINGKATKAN AKAUNTABILITI DALAM PENGURUSAN
KEWANGAN MAIPk**

OBJEKTIF STRATEGI 4.1 :

MEMASTIKAN KETELUSAN DAN AKAUNTABILITI DALAM PENGURUSAN WANG AWAM

BIL.	INITIATIF/TINDAKAN	KUADRAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANA
4.1.1	Mengadakan Program Nilai-nilai Murni yang memberikan tumpuan terhadap isu Rasuah, salah guna kuasa, Keterhutangan serius dan tanggungjawab pekerja.	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 tahun (2022 - 2026)
4.1.2	Membangunkan Garis Panduan /SOP Pengurusan dana pelaburan	A	Bahagian Kewangan	1 Tahun (2022-2022)
4.1.3	Memperkemaskan prosedur kerja, SOP Bahagian dan senarai tugas setiap pekhidmat	A	Bahagian Kewangan	1 Tahun (2022-2022)
4.1.4	Mengadakan Kursus Pengurusan Perolehan untuk meningkatkan kompetensi	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 tahun (2022 - 2026)
4.1.5	Mewujudkan borang diklarasi konflik kepentingan pengurusan wang awam	A	Bahagian Kewangan	2 Tahun (2022-2023)
4.1.6	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab		Bahagian Khidmat Pengurusan	5 tahun (2022 - 2026)

BIL.	INITIATIF/TINDAKAN	KUADRAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANA
4.1.7	Mengadakan Bengkel / Taklimat Amil	A	Bahagian Kewangan	5 tahun (2022 - 2026)
4.1.8	Memperkuuhkan SOP Serahan Kutipan	A	Bahagian Kewangan	5 tahun (2022 - 2026)
4.1.9	Melaksanakan program Anugerah Amil	A	Bahagian Kewangan	5 tahun (2022 - 2026)
4.1.10	Menamatkan lantikan amil	A	Bahagian Kewangan	5 tahun (2022 - 2026)

STRATEGI 5**MEMPERTINGKATKAN KAWALAN DALAMAN DAN KETELUSAN PEROLEHAN**

OBJEKTIF STRATEGI 5.1 :

MENINGKATKAN KETELUSAN PENGURUSAN PEROLEHAN DAN PENGURANGAN RISIKO RASUAH

BIL.	INITIATIF/TINDAKAN	KUADRAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANA
5.1.1	Memantapkan dan memperkemas Prosedur Operasi Standard (SOP) pelaksanaan perolehan MAIPk.	A	Bahagian Kewangan	5 Tahun (2022-2026)
5.1.2	Memantapkan dan memperkemas Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam pelaksanaan penyediaan laporan penilaian perolehan MAIPk.	A	Bahagian Kewangan	1 Tahun (2022-2023)
5.1.3	Menyemak dan menambah baik borang integriti pack bagi pegawai/jawatankuasa yang terlibat	A	Bahagian Kewangan	1 Tahun (2022-2023)
5.1.4	Mewujudkan daftar/ borang perakuan berkenaan kepentingan peribadi bagi setiap cadangan pembangunan yang diterima	A	Bahagian Kewangan	1 Tahun (2022-2023)
5.1.5	Menambah baik sistem penggiliran dalam pemilihan kontraktor	A	Bahagian Kewangan	1 Tahun (2022-2023)
5.1.6	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia bertanggungjawab	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022-2026)

06

**BIDANG KEUTAMAAN
OPERASI**

STRATEGI 6

**MENINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN DALAM
PENGURUSAN OPERASI**

OBJEKTIF STRATEGI 6.1 :

MENGUKUHKAN INTEGRITI DAN KREDIBILITI DALAM PROSES PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

BIL.	INITIATIF/TINDAKAN	KUADRAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANA
6.1.1	Menambahbaik SOP Agihan Bantuan Zakat sedia ada	B	Bahagian Agihan Zakat	1 Tahun (2022)
6.1.2	Menguatkuasakan Pematuhan SOP Agihan Zakat.	A	Bahagian Agihan Zakat	5 Tahun (2022-2026)
6.1.3	Melaksanakan pemantauan SOP Agihan Zakat	A	Bahagian Agihan Zakat	5 Tahun (2022-2026)
6.1.4	Mengadakan latihan kefahaman berkenaan pematuhan SOP Permohonan Bantuan.	A	Bahagian Agihan Zakat	5 Tahun (2022-2026)
6.1.5	Mengeluarkan Arah Pentadbiran bagi memberi kebenaran dengan merujuk kepada situasi kes tertentu.	A	Bahagian Agihan Zakat	1 Tahun (2022)
6.1.6	Mewujudkan mekanisma pemantauan dan kawalan terhadap kontraktor.	A	Unit Pengurusan Projek	5 Tahun (2022-2026)
6.1.7	Penyusunan semula tugas (senarai tugas) pengurusan agihan zakat.	A	Bahagian Agihan Zakat/Daerah	1 Tahun (2022)
6.1.8	Menghadkan akses pegawai terhadap butiran pembayar zakat.	A	Bahagian Pemasaran	1 Tahun (2022)

BIL.	INITIATIF/TINDAKAN	KUADRAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANA
6.1.9	Memperkenalkan mekanisme yang lebih telus dalam proses pengurusan amil.	A	Bahagian Pemasaran	1 Tahun (2022)
6.1.10	Mengemaskini senarai tugas pegawai bagi pelaksanaan pemantauan berkala	A	Bahagian Pengurusan Mal dan Wakaf	5 Tahun (2022-2026)
6.1.11	Memperkemaskan skop kerja bagi penguatkuasaan dalam senarai tugas pekhidmat serta menjalin kerjasama dengan agensi penguatkuasaan yang berkaitan	A	Bahagian Pengurusan Mal dan Wakaf	5 Tahun (2022-2026)
6.1.12	Mengemaskini data di dalam sistem pendaftaran dan pindahmilik MAIPk	A	Bahagian Pengurusan Mal dan Wakaf	5 Tahun (2022-2026)
6.1.13	Melaksanakan pemantauan berkala terhadap aset MAIPk	A	Bahagian Pengurusan Mal dan Wakaf	5 Tahun (2022-2026)
6.1.14	Memperketatkan proses saringan siasatan dan pengesahan dari pegawai yang berbeza	B	Bahagian Pengurusan Mal dan Wakaf	3 Tahun (2022-2026)
6.1.15	Mengemaskini dan menambahbaik SOP Pengurusan Pembelian Tanah Baitulmal	B	Bahagian Pengurusan Mal dan Wakaf	1 Tahun (2022-2026)
6.1.16	Mewujudkan garis panduan derma khairat	B	Unit Pembangunan Ummah	1 Tahun (2022)
6.1.17	Mewujudkan jawatankuasa bagi mempertimbangkan permohonan yang diterima.	B	Unit Pembangunan Ummah	1 Tahun (2022)

BIL.	INITIATIF/TINDAKAN	KUADRAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANA
6.1.18	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022-2026)

OBJEKTIF STRATEGI 6.2 :

MENTINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

BIL.	INITIATIF/TINDAKAN	KUADRAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANA
6.2.1	Semakan semula proses dan pematuhan SOP Pengurusan Agihan Zakat	A	Bahagian Agihan Zakat	1 Tahun (2022)
6.2.2	Mengadakan latihan berkaitan kefahaman terhadap Pematuhan SOP Pengurusan Agihan Zakat	A	Bahagian Agihan Zakat	5 Tahun (2022-2026)
6.2.3	Memberikan taklimat dan penerangan kepada syarikat korporat tentang agihan zakat.	A	Bahagian Agihan Zakat	5 Tahun (2022-2026)
6.2.4	Menambahbaik SOP agihan wakalah wang zakat sedia ada.	A	Bahagian Agihan Zakat	1 Tahun (2022)
6.2.5	Membangunkan sistem perisian yang komprehensif bagi urusan agihan wakaf	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	3 Tahun (2022-2024)
6.2.6	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang terlibat dalam kegagalan menguruskan agihan hasil wakaf kepada penerima manfaat	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2022 -2026)

BIL.	INITIATIF/TINDAKAN	KUADRAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANA
6.2.7	Menambahbaik proses pemilihan pembekal yang berkualiti	A	Bahagian Kewangan	2 Tahun (2022-2023)
6.2.8	Memberi latihan khusus berkaitan pelaksanaan pembekalan beras fidyah	A	Bahagian Khidmat Pengurusan	1 Tahun (2022-2023)
6.2.9	Mengadakan taklimat kepada organisasi yang telah diberikan kebenaran kutipan derma.	A	Unit Pembangunan Ummah	5 Tahun (2022-2026)

**BAB
3**

Memperkasakan Usaha Pencegahan Rasuah

JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) SUK PERAK

- Dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan.
- Menerima laporan status pencapaian dan pelaksanaan inisiatif OACP. (Tertakluk kepada arahan Pengerusi JAR).
- Mengenalpasti penyelesaian terbaik dan membuat keputusan.

JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) MAIPk

- Dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.
- Mengenalpasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan inisiatif yang dibuat.
- Meneliti dan mengkaji keberkesanan inisiatif OACP setiap suku tahun.
- Mengambil tindakan pembaharuan OACP pada akhir tempoh pelan.

KAEDAH PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Bagi memastikan OACP MAIPk terlaksana, pelaksanaan akan dipantau dan dinilai dari semasa ke semasa. Pemantauan dan penilaian menerusi:

- i. Borang Pengesanan Pelaksanaan
- ii. Laporan Pemantauan dan Penilaian

PELAPORAN

Laporan Pencapaian Pelaksanaan OACP akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah Peringkat (JAR) MAIPk dan seterusnya akan melaporkan kepada JAR peringkat Negeri.

SEMAKAN SEMULA DAN PEMBAHARUAN OACP

Penilaian dan semakan semula terhadap keberkesanan OACP dilaksanakan setahun sekali bagi memastikan strategi dan Pelan Tindakan yang dirangka berjaya menangani permasalahan yang timbul. Tindakan pembaharuan pada penghujung 2026 dan dikeluarkan pada tahun berikutnya.

PENGKLASIFIKASIAN OACP

OACP MAIPk adalah merupakan dokumen dasar antirasuah yang dibangunkan bagi memastikan pelaksanaan pencegahan rasuah yang berkesan di semua peringkat. Ia merupakan komitmen oleh MAIPk dalam memerangi rasuah. Adalah diharapkan agar inisiatif-inisiatif yang digariskan dapat dilaksanakan dengan komited bagi mencapai visi Ke Arah MAIPk yang Berintegriti, Berakauntabiliti dan Membenci Rasuah.

**BAB
4**

Kesimpulan Dan Harapan Masa Hadapan

MAIPk telah memperlihatkan komitmen dalam menyokong dasar antirasuah kerajaan dengan membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) MAIPk dengan menyasarkan perancangan lima (5) tahun iaitu bagi tahun 2022 hingga 2026. Demi matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara bebas rasuah, pelan ini menggariskan tindakan yang perlu diambil untuk menyahut dasar kerajaan.

Pelan ini mengambil kira pandangan warga MAIPk secara holistik dan telah mengenal pasti enam (6) strategi merangkumi 86 inisiatif untuk dilaksanakan sebagai panduan pengurusan antirasuah di MAIPk.

Pelaksanaan semua inisiatif yang telah digubal ini akan dipantau dan dikaji semula secara berkala untuk kelestarian keberkesanannya OACP. Untuk memastikan inisiatif yang dirangka akan sentiasa relevan dan terus menjadi panduan dan rujukan semua pihak dalam menangani salah laku dan jenayah rasuah, MAIPk akan sentiasa peka dengan perubahan semasa dan mengambil kira maklum balas, nasihat dan panduan daripada pelbagai pihak dari masa ke masa.

Hala tuju baharu organisasi dalam aspek penambahbaikan governans, integriti dan antirasuah serta kelangsungan pelan ini pada masa hadapan bakal ditentukan oleh kejayaan pelaksanaan 86 inisiatif dalam tempoh lima (5) tahun akan datang selaras dengan visi OACP MAIPk iaitu "Ke Arah MAIPk yang Berintegriti, Berakauntabiliti dan Membenci Rasuah".

Apresiasi

Setinggi-tinggi penghargaan kepada:

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)

PENGURUSAN TERTINGGI MAIPk

Tuan Shahrul Azam bin Shaari
Ketua Pegawai Eksekutif

Tuan Haji Mohd Haidi bin Sulaiman
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Pengurusan)

Puan Wan Maizura binti Haji Wan Zahari
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Pembangunan)

Encik Rohizan bin Haji Omar
Pengurus Besar, Bahagian Khidmat Pengurusan

Encik Ariff bin Apandi
Pengurus Besar, Bahagian Kewangan

Encik Bakri bin Lee
Pengurus Besar, Bahagian Agihan Zakat

Encik Ahmad Nazim bin Md Tajuri
Pengurus Besar, Bahagian Pemasaran

Encik Suhami bin Yusoff
Pengurus Besar, Bahagian Pengurusan Mal
dan Wakaf

Encik Mohd Saufi bin Ibrahim
Pengurus Besar, Bahagian Perhubungan
Korporat

AHLI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN OACP

Encik Wan Abdul Halim Hafidz bin Mohd Amin

Encik Noraizad bin Rosli

Puan Zaleha binti Wan Zahari

Puan Nur Azren binti Yahaya

AHLI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN OACP

Encik Mior Khairul Anas bin Rozali

Encik Mohd Hafizzie bin Abd Karim

Encik Dzulbazli bin Mahamd Ali

Puan Asiah binti Bin Yamin

Encik Zulfadli bin Baharum

Encik Muhammad Naqib bin Mohamad Tarmizi

Encik Johar bin Zainal Abidin

Encik Nabil Fikri bin Mohamad

Encik Mohamad Razif bin Mokhtar

Encik Abdul Aziz bin Sulaiman

Encik Mohd Sharizal bin Mat Sah

Encik Fairuz bin Zahri

Encik Mohd Fazly bin Mohd Yusof

Cik Nurul Shuhaida binti Mohd Nor

Puan Nurul Nadia binti Abdul Haris Halmi

Puan Nurul Fashareena binti Ismail

**SEKRETARIAT OACP – UNIT INTEGRITI DAN
KUALITI, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
MAIPk**

Puan Noorwahida binti Abu Seman

Encik Shamsul Anuar bin Zakaria

Cik Yulia binti Yaacob

Cik Siti Zulaikha binti Muhamd Nasir

**PELAN
TINDAKAN
ANTIRASUAH
ORGANISASI
(OACP)**



مجلس ائکتار اسلام
دانان عادات ملايو قيران

MAJLIS AGAMA ISLAM & 'ADAT MELAYU PERAK